

## Bina rumah guna teknologi berasaskan kenaf



Menteri perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Dr. Khairuddin Aman Razali (dua kanan depan) dan Idris (kanan) melihat kaedah menyediakan bahan binaan menggunakan kenaf. FOTO BAHAROM BAKAR

Kuala Terengganu: Kerajaan dicadang menggunakan teknologi Sistem Bangunan Berindustri (IBS) berasaskan kenaf untuk pembinaan 20 rumah di semua 222 kawasan Parlimen seluruh negara tahun depan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Khairuddin Aman Razali berkata, kertas cadangan penggunaan teknologi IBS berasaskan kenaf akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk dibentangkan pada mesyuarat kabinet.

Jelasnya, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 juta setahun kepada Ahli Parlimen untuk pembinaan 20 rumah penduduk miskin di seluruh negara.

"Kos untuk pembinaan rumah menggunakan teknologi IBS hanyalah dianggarkan bernilai RM50,000 sebuah dan proses pembinaan kediaman itu hanya mengambil masa 14 hari.

"Pembinaan rumah menggunakan teknologi IBS bukan sahaja menjimatkan masa dan kos, malah dapat mengelak dari berlakunya pembaziran bahan binaan dan tidak menjejaskan

alam sekitar," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Kursus Keusahawanan IBS berasaskan kenaf, di sini, hari ini.

Yang turut hadir adalah Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Idris Mohd Salleh.

Jelasnya, penggunaan teknologi IBS dalam projek dimajukan pihak swasta meningkat kepada 35 peratus tahun lalu berbanding hanya 14 peratus pada tahun 2015.

"Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang bertanggungjawab mengawal selia pengembangan industri binaan mensasarkan penggunaan teknologi IBS meningkat kepada 50 peratus menjelang akhir tahun ini.

"Kenaf mempunyai potensi besar dan berdaya saing untuk dibangunkan dalam pelbagai industri pembuatan termasuk pembinaan," katanya.

"Setakat ini seluas 285.2 hektar kawasan di Terengganu sudah dibangunkan dengan tanaman kenaf membabitkan seramai 178 penanam dan jumlah keluasan penanaman akan ditambah bagi memastikan tidak berlaku kekurangan bahan mentah," katanya.